

# PENGURUSAN DANA SEDEKAH SECARA SISTEMATIK: ANALISA PERANAN INSTITUSI KERAJAAN DAN SWASTA

Oleh:  
Abdullaah Jalil  
Muhamad Muda  
*Fakulti Ekonomi dan Muamalat,  
Universiti Sains Islam Malaysia.*

## PENDAHULUAN

Sedekah adalah salah satu intrumen kewangan dan ekonomi Islam yang mempunyai ciri-ciri yang fleksibel dan berbentuk sukarela. Ia boleh dianggap sebagai satu instrumen penyokong and pelengkap (*supportive and complementary instrument*) bagi instrumen-instrumen yang wajib di dalam Islam seperti zakat, nafkah, kaffarah dan lain-lain. Hikmah di sebalik kebaikan dan kesan positif instrumen ini adalah terlalu luas dan tidak semuanya dapat dikumpulkan di dalam artikel yang singkat ini. Bahkan, sebahagian besar kesan positif sedekah tidak dapat digambarkan dalam bentuk nombor atau kuantiti kerana ia bukan sahaja meliputi kesan ekonomi dan kewangan, bahkan meliputi kesan kerohanian, sosial, keberkatan dan lain-lain.

### Sorotan Literatur

Sedekah adalah merupakan satu subjek yang dikenali dan bukanlah sebuah topik yang asing di dalam pendidikan dan pengajian Islam. Perbincangan berkaitan sedekah terdapat di dalam hampir semua kitab karangan ulama' Islam dalam bidang fiqh, hadis, tafsir, tasawwuf dan sebagainya. Perbahasan berkenaan hukum ahkam serta pentafsiran al-Quran dan al-Sunnah berkaitan amalan sedekah sudah mencapai tahap yang begitu mendalam. Secara umumnya perbincangan mengenai sedekah di dalam karangan para ulama' terdahulu adalah merangkumi topik-topik berikut:

- a) Nas-nas al-Quran dan al-Sunnah berkaitan sedekah serta pentafsirannya bersama kisah para sahabat r.a., para ulama' dan solihin berkaitan sedekah;
- b) Definisi dan hukum ahkam berkaitan sedekah;
- c) Kelebihan dan ganjaran bagi amalan sedekah;
- d) Hikmah kerohanian dan sosial di sebalik amalan sedekah;
- e) Adab-adab bersedekah sama ada adab zahir atau adab batin; dan
- f) Perbandingan di antara sedekah secara tersembunyi dan terang-terangan.

Pada hari ini, para ahli ekonomi Islam dan Shariah banyak menumpukan perbincangan dalam isu-isu berkaitan perbankan dan kewangan Islam. Dalam bidang *ijtima'i*<sup>1</sup>, perbincangan lebih memberi fokus kepada isu-isu berkaitan zakat, wakaf dan mal (wasiat dan amanah). Maka,

---

<sup>1</sup> Sektor yang tidak bermotifkan keuntungan kewangan.

fokus artikel ini adalah berkaitan pengurusan dan kepentingan dana sedekah serta peranan yang boleh dimainkan oleh pihak kerajaan dan swasta dalam operasinya.

## **Objektif Artikel**

Objektif artikel ini ialah untuk:

- Membincangkan kepentingan dana sedekah di dalam sistem kewangan Islam
- Mencadangkan penubuhan dana sedekah yang diuruskan secara sistematik
- Membincangkan peranan badan kerajaan dan swasta dalam pengurusan dana tersebut

## **Metodogi Kajian**

Artikel ini adalah berbentuk teori dan konsep. Maka, ia adalah berdasarkan kepada kajian perpustakaan. Maklumat-maklumat yang digunakan untuk tujuan analisis dan penilaian adalah berbentuk sekunder yang terdiri daripada kandungan kitab-kitab tradisional Islam (di dalam bidang fiqh, ‘ulum al-Quran dan hadis, ekonomi dan tasawwuf), artikel ilmiah, jurnal, dan maklumat di laman-laman web. Penulis menganalisis maklumat-maklumat tersebut dengan mengaplikasi kaedah induktif dan deduktif dalam menyusun dan mempersembahkan hasil kajian bagi memenuhi objektif yang telah dinyatakan.

## **KEPENTINGAN *INFAQ* DAN *TABARRU'***

Shariat Islam bukan sahaja menitikberatkan kaedah pencarian rezeki yang halal, tetapi dalam masa yang sama ia menitikberatkan kaedah-kaedah *infaq* atau kaedah/seni perbelanjaan Islam. Maka, pelbagai kaedah yang berbentuk wajib digariskan di dalam Shariat Islam seperti nafkah tanggungan, *kaffarah*, *dam*, *nazar*, dan lain-lain, atau sunat seperti sedekah, hadiah, waqaf, hibah, dan lain-lain. Ia juga meletakkan garis panduan bagi mengelak perbelanjaan atau *infaq* yang haram. Kaedah *infaq* di dalam Islam adalah bermula dari seseorang itu masih kecil lagi seperti *aqiqah* sehingga seseorang itu meninggal dunia yang meliputi bab wasiat dan harta warisan.

Enam perkara asas yang perlu dielakkan oleh seorang Muslim dalam *infaq* adalah (al-Misri, 2000; al-Jurjani, 2007):

1. *Al-Tabdhir* (التبذير): Membelanjakan harta dalam perkara yang haram.
2. *Al-Israf* (الإسراف): Berlebih-lebihan (melampau) berbelanja dalam perkara yang harus.
3. *Al-Taqtir* (التفتير): Menyempitkan ruang *infaq* kurang daripada yang sepatutnya.
4. *Al-Bukhl* (البخل): Kedekut untuk menginfaq harta miliknya.
5. *Al-Shuhh* (الشح): Kedekut untuk menginfaq harta miliknya atau milik orang lain ke arah kebajikan dan kebaikan.
6. *Kanz al-mal* (كنز المال): Tidak melaksanakan kewajipan harta seperti mengeluarkan zakat.


Kaedah *infaq* Islam adalah berdasarkan kepada ayat yang dibawah (al-Zuhayli, n.d.):

وَالَّذِينَ إِذَا أُنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَعْثُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوْامًا<sup>2</sup>

Maksudnya: “Dan (*hamba-hamba al-Rahman itu*) adalah mereka yang apabila memberi infaq tidak berlebih-lebih dan tidak juga kedekut dan di antara keduanya itu adalah kedudukan yang paling kukuh.”

Ini juga memberi maksud bahawa asas kepada seni infaq di dalam Islam adalah kesederhanaan/berhemah atau *al-wasatiyyah* (الوسطية) atau *al-iqtisad* (الاقتصاد) atau *al-qawwamah* (القوامة) atau *al-tadbir* (التدبير).

**Gambarajah 1: Konsep Kesederhanaan Sebagai Asas dalam Infaq di dalam Islam**




Tabarru’ adalah satu istilah yang lebih umum berbanding sedekah. Tabarru’ merujuk kepada semua pemberian yang dibuat secara sukarela sama ada ianya berbentuk fizikal atau manfaat. Di dalam Islam, tabarru’ boleh dibahagikan kepada beberapa jenis. Jenis-jenis tabarru’ tersebut digambarkan di dalam Gambarajah 2. Namun begitu, perbincangan di dalam artikel ini lebih tertumpu kepada tabarru’ harta kepada mereka yang berhajat kepada pertolongan (sedekah).

**Gambarajah 2: Tabarru’ Di Dalam Islam**

---

<sup>2</sup> Al-Furqan: 67



## SEDEKAH SEBAGAI SALAH SATU INSTRUMEN *INFAQ* DAN *TABARRU'*

Di antara kaedah *infaq* yang diberi galakan dalam di dalam Shariat adalah sedekah. Secara umumnya, istilah sedekah (الصدقة) di dalam bahasa Arab digunakan untuk sedekah wajib dan sunat. Menurut al-Sheikh Ali al-Jumu'ah (2000), sedekah dalam istilah yang umum mempunyai beberapa makna, iaitu:

1. Sedekah yang diwajibkan oleh Shara' ke atas harta. (Zakat harta atau *al-amwal*)
2. Sedekah yang diwajibkan oleh Shara' ke atas (badan) individu. (Zakat fitrah atau *al-abdan*)
3. Sedekah yang diwajibkan oleh seseorang ke atas diri sendiri, iaitu sedekah yang wajib kerana nazar.
4. Sedekah yang diwajibkan kerana hak Allah SWT seperti fidyah dan kaffarah. Kategori ke-3 dan ke-4 ini dibahaskan oleh fuqaha' di dalam bab-bab *Nazar* dan *Kaffarat*.
5. Sedekah secara sukarela (*التطوع*) yang disunatkan oleh Shara'.

Sedekah dalam maksud yang ke-5 adalah merupakan makna yang menjadi fokus artikel ini. Pada pendapat penulis juga, istilah sedekah, khasnya di kalangan masyarakat rumpun Melayu, telah menjadi satu istilah khusus yang membezakan maknanya dengan kategori sedekah yang wajib.

Di dalam perbahasan fiqh, pada kebiasaannya istilah hibah (*الهبة*) yang bermaksud pemberian barang biasanya digunakan dalam perbahasan sedekah. Terdapat empat istilah yang saling menyerupai antara satu sama lain, iaitu, hibah, sedekah, hadiah dan athiyyah. Definisi bagi setiap istilah adalah seperti berikut (Al-Jumu'ah, 2000; Al-Zuhayli, 2000):

1. Hibah (*الهبة*): Pemberian barang / pemilikan tanpa *iwadh* (ganti)
2. Hadiah (*الهدية*): Pemberian dengan tujuan kasih-sayang dan rasa hormat. Pada kebiasaannya, pemberian tersebut dibawa kepada penerima.
3. Athiyyah (*العطية*): Pemberian oleh seseorang yang sedang menderita sakit yang boleh menyebabkan kematiannya.
4. Sedekah (*الصدقة*): Pemberian dengan tujuan bertaqarrub kepada Allah SWT dengan menolong orang yang memerlukan pertolongan.

Hibah atau pemberian adalah satu istilah umum yang boleh dipakai bagi keempat-empat kategori tersebut. Maka sebab itulah, istilah hibah biasanya digunakan dalam kitab para fuqaha'. Secara umumnya, hibah adalah pemberian yang sunat dan digalakkan oleh Shariat. Namun begitu, di antara bentuk-bentuk pemberian di atas, sedekah adalah yang paling dituntut di dalam Islam (al-Bantani, 2000). Nas-nas al-Quran dan hadis menunjukkan amalan bersedekah (walaupun sunat) amat ditekankan di dalam Islam. Bagi tujuan perbincangan di dalam artikel ini, penulis menfokuskan makna hibah yang berbentuk sedekah.

Satu prinsip yang perlu dipegang dalam perkara berkaitan amalan-amalan sunat ialah (al-Suyuthi, 1998):

*النَّفْلُ/النَّطْوُعُ أَوْسَعُ مِنْ الْوَاجِبِ/الْفَرْضِ*

Maksudnya: "Perkara tambahan (yang sunat)/sukarela itu lebih luas berbanding perkara yang wajib/fardhu."

Sebagai contoh, *qiyam* atau berdiri tegak tidak diwajibkan di dalam solat sunat dan *tabyit niat* (berniat pada waktu malam sebelum masuk waktu Subuh) untuk puasa sunat adalah tidak wajib (al-Suyuthi, 1998). Begitulah juga, tidak ada nilai minimum, tidak ada waktu yang khusus, tidak ada tempat tempoh tertentu bagi amalan sedekah. Namun begitu, terdapat keutamaan yang diberikan kepada masa, tempat dan penerima tertentu.

## ASAS BAGI PENUBUHAN DANA SEDEKAH

Konsep pengembelingan dan pemusatan dana harta dan makanan boleh diambil daripada dua hadis Rasulullah SAW. Pertama, kisah keluarga sahabat Rasulullah SAW, Abu Musa al-Ash'ari r.a. yang menjadi pujian Rasulullah SAW. Kedua, *sabab al-wurud* (atau sebab pengeluaran) hadis yang menggalakkan umat Islam mencipta *sunnah* yang baik atau *bid'ah hasanah*. Hadis-hadis tersebut adalah seperti berikut:

1. Abu Musa al-Ash'ari r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الْأَشْعَرِيْنَ إِذَا أَرْمَلُوا فِي الْغَزْوَ ، أَوْ قَلَّ طَعَامُ عِبَالِهِمْ بِالْمَدِيْنَةِ جَمَعُوا مَا كَانَ عِنْدَهُمْ فِي  
تَوْبِ ، ثُمَّ افْتَسَمُوهُ بَيْنَهُمْ فِي إِنَاءٍ وَاحِدٍ بِالسَّوَيَّةِ، هُمْ مِنِّي وَأَنَا مِنْهُمْ<sup>3</sup>

Maksudnya: “Sesungguhnya keluarga Al-Ash’ari itu apabila kekurangan bekalan dalam peperangan atau kekurangan makanan ahli keluarga mereka di Madinah, mereka mengumpulkan semua (makanan) yang ada pada mereka di dalam satu kain, kemudian mereka membahagikan makanan tersebut di kalangan mereka dalam satu bekas secara sama rata dan adil, sesungguhnya mereka adalah dari golonganku dan aku adalah daripada mereka.”

2. Jarir Ibn Abdullah r.a. meriwayatkan bahawa bapanya berkata: “Ketika kami sedang berada di sisi Rasulullah SAW pada waktu tengahari, maka datanglah sebuah kaum yang dalam keadaan tidak berasas kaki dan tidak cukup pakaian, mereka memakai penutup kepala yang terkoyak sambil menggantungkan pedang di badan mereka, kebanyakan mereka adalah dari [qabilah] Mudharr. Maka berubah wajah Rasulullah SAW kerana melihat kesusahan yang mereka hadapi. Maka Rasulullah SAW pun memasuki (rumah) dan kemudian keluar serta memerintahkan Bilal r.a. untuk melakukan azan dan iqamah (Zohor). Setelah itu, baginda SAW (dan para sahabat r.a.) bersolat. Setelah selesai solat, baginda SAW berkhutbah dan membaca ayat al-Quran (dari Surah al-Nisaa’: Ayat 1 dan Surah al-Hashr: Ayat 18). serta bersabda:

تَصَدَّقَ رَجُلٌ مِنْ دِينَارِهِ مِنْ دِرْهَمِهِ مِنْ تَوْبِهِ مِنْ صَاعِ بُرْرِهِ مِنْ صَاعِ نَمْرِهِ (حَتَّى قَالَ)  
وَلَوْ بَشِقَّ نَمْرَةً

---

<sup>3</sup> Diriwayatkan oleh Imam al-Tabari di dalam Tahdhib al-Athar. [No. 148]

Maksudnya: “Bersedekahlah seseorang itu daripada dinarnya, daripada dirhamnya, daripada pakaianya, daripada segantang gandumnya, daripada segantang tamarnya, (sehingga baginda SAW bersabda) walaupun dengan sebahagian daripada sebiji tamarnya.”

Maka orang ramai agak perlahan untuk mula bersedekah. Maka datanglah seorang lelaki daripada Ansar dengan satu kantung yang hampir-hampir tidak mampu dipegang dengan tapak tangannya. Maka setelah itu, orang ramai pun terus bersedekah secara berterusan sehingga terkumpulnya dua longgokan besar pakaian dan makanan sehingga aku telah melihat wajah Rasulullah SAW berseri-seri seolah-olah bekas yang bersinar. Maka baginda SAW pun bersabda:

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرٌ هَا وَأَجْرٌ مَنْ عَمَلَ بَهَا بَعْدَهُ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْفُصَ مِنْ أَجْوَرِهِمْ شَيْءٌ وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً كَانَ عَلَيْهِ وَزْرُهَا وَوَزْرُ مَنْ عَمَلَ بَهَا مِنْ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْفُصَ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ<sup>4</sup>

Maksudnya: “Barangsiapa yang mencipta di dalam Islam satu sunnah yang baik, maka dia memperolehi pahalanya dan pahala orang-orang yang beramal dengan sunnah tersebut selepasnya tanpa mengurangkan sedikit pun daripada pahala-pahala mereka. Dan barangsiapa mencipta satu sunnah yang buruk, maka dia memperolehi dosanya dan dosa orang-orang yang beramal dengan sunnah (yang buruk) tersebut selepasnya tanpa mengurangkan sedikit pun dosa-dosa mereka.”<sup>4</sup>

Kedua-dua hadis di atas menyatakan pujian Rasulullah SAW kepada mereka yang bekerjasama dalam membantu keluarga dan saudara seagama mereka yang di dalam kesusahan. Di dalam kedua-dua hadis tersebut, terdapat bukti bahawa pemusatan dan pengumpulan dana sedekah telah dilakukan oleh keluarga al-Ash'ari dan para sahabat r.a. Pengumpulan dana dan pemusatan dana ini dapat memastikan bentuk pertolongan yang dihulurkan berskala besar dan menyeluruh.

## KEPERLUAN DAN KELEBIHAN DANA BERKONSEPKAN SEDEKAH

Di dalam sistem ekonomi dan kewangan Islam, terdapat dua bentuk dana, iaitu, dana *tijari* dan dana *ijtima'i*. Dana *tijari* adalah dana yang bermotifkan keuntungan kewangan untuk pemiliknya, manakala dana *ijtima'i* adalah dana yang tidak bermotifkan keuntungan kewangan bagi pemilik dan pengurusnya. Di Malaysia, dana pengurusan haji dan umrah adalah satu contoh dana *tijari* yang telah menunjukkan satu konsep pengurusan dana yang mematuhi Shariah dan dalam masa yang sama mampu memberi pulangan yang baik kepada pemiliknya serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi.

Secara umumnya, penulis mendapati bahawa terdapat tiga (3) dana *ijtima'i* yang berpotensi untuk dibangunkan dalam skala besar di dalam sistem ekonomi dan kewangan Islam. Dana-dana tersebut ialah dana zakat, harta wakaf dan sedekah. Secara kebarangkaliannya,

<sup>4</sup> Hadis ini dan hadis-hadis yang mirip dengannya diriwayatkan oleh Muslim, al-Nasa'i, Ahmad, Ibn Abu Shaybah, al-Bayhaqi, Abd al-Razzaq, al-Hakim, al-Tibrani, Ibn Hibban, al-Thayalisi dan al-Thahawi.

kekurangan dana sedekah di peringkat nasional dan negeri mungkin telah menyebabkan peranannya ditampung and disokong oleh dana zakat. Pentafsiran penggunaan dana zakat yang lebih luas pada hari ini mungkin disebabkan beberapa faktor yang di antaranya ialah kekurangan dana sedekah.

Penubuhan dana sedekah juga dapat menjadikan amalan bersedekah sebagai satu kekuatan dan instrumen ekonomi nasional yang mampu memperbaiki keadaan ekonomi di peringkat makro. Ia juga mampu memastikan pengaliran dana yang lebih efisien, khasnya dengan kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi pada hari ini. Pada pendapat penulis, institusi zakat dan baitul mal, masjid, institusi kewangan dan perbankan Islam, yayasan Islam, persatuan-persatuan Islam serta badan-badan bukan kerajaan dapat membentuk satu jaringan bagi penubuhan dana ini. Pengutipan boleh dibuat dengan pelbagai kaedah seperti tunai, wang pos, perbankan elektronik dan SMS, kad kredit, kad debit, kad caj, potongan gaji, arahan pindahan/pembayaran wang (*standing instructions*) dan seumpamanya.

Di antara kelebihan dana berkonsepkan sedekah ialah:

- Terbuka sepanjang tahun untuk menerima sumbangan;
- Sumbangan boleh dibuat dalam pelbagai bentuk dan jenis harta;
- Boleh diagihkan secara lebih meluas dalam pelbagai bidang dengan pelbagai tanpa syarat-syarat yang ketat;
- Tidak ada jumlah maksimum atau minimum bagi sumbangan; dan
- Kesinambungannya tidak bergantung kepada mana-mana individu.

## **PERANAN DANA SEDEKAH DALAM SISTEM PENGURUSAN EKONOMI**

Aktiviti muamalat Islam perlulah berada di dalam lingkungan adil dan ihsan. Konsep adil dan ihsan di dalam urusniaga jual-beli telah diterangkan dengan teliti oleh Imam al-Ghazali di dalam kitabnya yang masyhur, *Ihya' 'Ulum al-Din* (Al-Ghazali, 2001). Keadilan adalah merupakan satu garis panduan minimum yang perlu dipatuhi oleh semua pihak. Dalam konteks sistem ekonomi, Shariat Islam telah mewajibkan zakat bagi memastikan sistem ekonomi beroperasi dengan prinsip adil. Dengan kata lain, zakat adalah instrumen bagi memastikan wujudnya keadilan.

Manakala “Ihsan” merujuk kepada amalan terbaik (*the best practice*) yang mempunyai pelbagai hikmah dan kebaikan jangka masa pendek dan panjang. Sedekah adalah instrumen bagi memastikan mewujudkan “Ihsan” di dalam masyarakat Islam. Menurut Imam al-Ghazali, peniaga yang mengamalkan prinsip “ihsan” adalah peniaga yang akan berjaya dalam jangka masa panjang (Al-Ghazali, 2001).

Di dalam sistem ekonomi dan kewangan Islam, dana sedekah mempunyai fungsi dan peranan seperti yang berikut:

## **1. Menjadi Satu Skim Pengagihan Semula Kekayaan (Secara Sukarela) di dalam Sistem Ekonomi Islam**

Pengagihan kekayaan berdasarkan prinsip pasaran mungkin akan meminggirkan golongan kurang upaya atau kurang bernasib baik yang boleh menyebabkan ketidakseimbangan dalam pengagihan kekayaan. Maka Syariat Islam menyediakan beberapa instrumen pengagihan semula yang berbentuk wajib serta sukarela. Dari perspektif ekonomi, sedekah boleh dilihat sebagai satu skim pengagihan kekayaan semula secara sukarela (al-Misri, 2000).

Kepentingan sistem pengagihan semula kekayaan ada disebut di dalam al-Quran. Firman Allah SWT:

كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ

Maksudnya: "...supaya harta tersebut tidak hanya berlebar di kalangan orang-orang kaya daripada kamu..."<sup>5</sup>.

## **2. Menjadi Dana Pelengkap Yang Mampu Menampung Kekurangan Yang Berlaku di dalam Dana Zakat atau Dana-dana Lain Seperti Wakaf**

Dana sedekah juga boleh berperanan sebagai dana pelengkap dan penyokong kepada dana zakat dan dana-dana yang lain di dalam sistem ekonomi Islam. Kekurangan dana zakat boleh disebabkan oleh pelbagai faktor. Pembangunan harta wakaf juga boleh tergantung kerana kekurangan dana. Sekiranya dana sedekah dapat diuruskan dalam skala yang besar, ia mungkin mampu menampung serba sedikit kekurangan yang berlaku.

## **3. Dana Yang Fleksibel dan Berkebolehan Untuk Digunakan dalam Pelbagai Bentuk dan Sektor**

Dana sedekah adalah sebuah dana yang sangat fleksibel dalam bentuk kegunaannya, khasnya apabila ia adalah sebuah dana sedekah umum. Penggunaan dana zakat adalah tertakluk kepada lapan (8) kategori asnaf zakat yang ada manakala penggunaan harta wakaf dan hasilnya adalah tertakluk kepada syarat dan tujuan pewakaf. Dana sedekah yang khusus juga terikat dengan syarat yang diletakkan oleh penyumbang. Dana sedekah yang umum boleh digunakan mengikut *maslahah* (kebaikan) golongan penerima yang dirasakan perlu oleh pengurus dana.

Sebagai contoh, dana sedekah boleh digunakan untuk dana bantuan kecemasan yang mungkin melibatkan bantuan kepada golongan bukan Muslim. Dana sedekah yang sunat ini juga boleh dibelanjakan kepada golongan bukan Muslim mengikut pendapat sebahagian ulama' tanpa mengira sama ada ia merupakan golongan *harbi* atau tidak (al-Jumu'ah, 2000). Sebagai contoh yang lain, menurut pendapat jumhur ulama', keluarga (آل) Rasulullah SAW tidak boleh menerima sumbangan daripada sedekah wajib seperti

---

<sup>5</sup> Surah al-Hashr: Ayat 7.

zakat, namun begitu mereka boleh menerima sumbangan daripada sedekah yang sunat (al-Jumu'ah, 2000).

#### **4. Menjadi Dana Bagi Proses Penyucian Harta (Haram dan Shubhat) di dalam Sistem Ekonomi Islam**

Menurut pendapat ulama' empat mazhab fiqh yang utama (Hanafi, Maliki, Shafi'e dan Hanbali), pendapatan atau hasil yang haram yang diperolehi oleh seseorang Muslim wajib dibersihkan. Sekiranya harta itu halal pada zatnya dan pemiliknya (atau warisnya) diketahui, maka pemegang harta tersebut wajib mengembalikan wang tersebut kepada pemilik asalnya. Sekiranya pemilik tersebut tidak mengetahui pemilik atau warisnya, maka duit itu perlulah disedekahkan sepertimana sedekah yang sunat (Al-Ghazali, 2001).

Namun begitu, dalam hal ini, ulama' mazhab al-Shafie seperti Imam al-Nawawi dan Imam al-Ghazali berpendapat bahawa sultan/ pemerintah adalah pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan harta-harta haram yang tidak diketahui pemiliknya kerana beliau lebih mengetahui maslahah umat Islam dengan syarat sultan/pemerintah tersebut mestilah seorang yang adil. Penulis berpendapat bahawa pandangan ulama' mazhab Shafi'e adalah lebih sesuai bagi konsep pengurusan yang lebih teratur dan bagi mempunyai objektif yang lebih jelas. Apatah lagi sekiranya jumlah duit yang haram itu sangat besar, pihak pemerintah boleh menyalurkannya kepada dana sedekah untuk dibelanjakan mengikut prinsip Shariah Islam.

#### **5. Menjadi Dana Bagi Kecemasan Yang Berlaku di dalam Masyarakat**

Dana sedekah berupaya menjadi dana bagi bantuan kecemasan apabila sesuatu kejadian buruk atau musibah menimpa masyarakat dalam skala yang besar. Ini adalah kerana ia dapat dikumpul dengan serta merta dan tidak terikat dengan tempoh masa tertentu. Ini dapat diperhatikan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Jarir Ibn Abdullah r.a. di atas. Rasulullah SAW menganjurkan para sahabat r.a. akan bersedekah dalam bentuk kumpulan sehingga terbentuknya dua longgokan pakaian dan makanan yang besar untuk golongan yang dilanda kesusahan.

### **PERANAN KERAJAAN**

Peranan kerajaan dalam pengagihan dan pengaliran dana di dalam sistem ekonomi sememangnya diperakui dalam Islam. Walaupun pada asasnya sistem pasaran yang memainkan peranan utama. Namun begitu, bagi sektor *ijtima'i* khasnya, peranan yang besar diberikan kepada kerajaan sesebuah negara Islam. Ini adalah kerana sistem pasaran semata-mata tidak mampu menjamin pengagihan dan pengaliran sumber ekonomi dengan adil dan ihsan. Hakikat ini sememangnya diakui dan dipraktikkan oleh negara-negara Barat apabila terbukti bahawa sistem pasaran mempunyai kelemahannya tersendiri.

Berkaitan dengan penubuhan dan pengurusan dana sedekah, pihak kerajaan perlu memastikan aspek-aspek utama dalam pengutipan dan pengagihan dana sedekah dititikberatkan. Aspek pengetahuan dan pendidikan mengenai sedekah telah diberi sejak sekian lama. Aspek yang pertama ialah sumber manusia. Pihak yang dipertanggungjawabkan bagi menguruskan dana ini perlulah mempunyai dua sifat yang paling asas, iaitu berkemampuan dan amanah. Kedua-dua ciri ini ada disebut di dalam al-Quran di dalam kisah Nabi Musa a.s. Allah SWT berfirman berkenaan salah seorang anak perempuan Nabi Syu'aib a.s.:

**إِنَّ خَيْرَ مَنْ اسْتَأْجَرَتِ الْقَوْيُ الْأَمِينُ<sup>6</sup>**

Maksudnya: "...Sesungguhnya sebaik-baik orang yang kamu bagi upah (bagi melakukan kerja) adalah orang yang kuat (berkemampuan) lagi amanah."

Aspek lain yang perlu diambil berat oleh pihak kerajaan adalah aspek pengutipan dan pengagihan. Pihak kerajaan perlu menyediakan garis panduan bagi pengutipan dan pengagihan yang lebih fleksibel namun mampu dikawal dan dinilai dari masa ke semasa. Aspek pengutipan dan pengagihan dana sedekah boleh memberi impak yang sangat besar dalam kesediaan masyarakat umum menyumbang kepada dana tersebut.

Kerajaan telah pun mempunyai institusi-institusi berkaitan agama Islam seperti majlis/jabatan agama, masjid dan pusat Zakat/baitul mal yang mampu memainkan peranan induk dalam penubuhan dan pengurusan dana sedekah ini. Selain daripada itu, sistem laporan, kawalan/audit dalaman dan luaran, sistem penilaian dan pemasaran perlu dijalankan oleh kerajaan bagi menjamin objektif penubuhan dana dapat dicapai sepenuhnya. Penyelarasn peranan setiap institusi kerajaan perlu dibuat agar tidak berlaku penindihan peranan yang mungkin boleh menimbulkan silap faham dan kerugian sumber ekonomi. Sistem pemasaran juga perlu bagi mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat tempatan dan antarabangsa tentang kewujudan dana ini.

Secara umumnya, aspek-aspek yang perlu diambil berat oleh pihak kerajaan dalam pengurusan dana sedekah ialah:

- Pendidikan dan Pengetahuan
- Sumber manusia yang cekap dan amanah
- Garis panduan pengutipan
- Garis panduan pengagihan
- Sistem Rekod dan Laporan Yang Telus
- Sistem Kawalan/Audit
- Sistem Penilaian Kecekapan
- Sistem Penyelarasn (Peranan)
- Sistem Pemasaran

---

<sup>6</sup> Surah al-Qasas: Ayat 26.

## **PERANAN SEKTOR SWASTA**

Sektor swasta atau bukan kerajaan sama ada institusi, persatuan dan individu memainkan peranan yang lebih pelbagai dan mikro berbanding dengan sektor kerajaan. Sektor swasta boleh memainkan peranan sebagai penyumbang dan pemudahcara bagi pengutipan dan pengagihan dana sedekah. Sebagai contoh, institusi perbankan dan kewangan Islam boleh bekerjasama dengan pihak kerajaan dalam membuat kutipan secara elektronik ataupun manual. Mereka juga boleh memainkan peranan sebagai pemberi maklumat kepada kerajaan dan pendidik bagi masyarakat tentang kepentingan bersedekah.


Kerjasama sektor swasta dalam mengurangkan caj bagi operasi dana sedekah, khasnya di bahagian kutipan, perlu bagi mengurangkan ketirisan dana sedekah. Caj pengurusan yang terlalu mahal menjadikan dana sedekah sebagai tidak efisien dan tidak menarik. Satu perkara yang perlu diubah di kalangan masyarakat industri dan perniagaan Muslim ialah mengubah pandangan mereka terhadap zakat dan sedekah. Zakat dan sedekah perlu dilihat sebagai sebagai salah satu kaedah pengagihan keuntungan (*profit distribution*) seperti dividen dan bukanlah sebagai satu bentuk kos seperti cukai. Ini sepatutnya dapat digambarkan di dalam laporan kewangan mereka.

Perubahan paradigma perlu berlaku di dalam sektor swasta khasnya dan masyarakat umumnya. Mereka perlu benar-benar menghayati falsafah harta dan kekayaan di dalam Islam. Sistem ekonomi dan kewangan Islam perlu didokong dan diketengahkan oleh swasta. Apabila kecekapan hanya dinilai dari sudut keuntungan dan tidak dinilai dari sudut pengagihan, maka ia adalah pendekatan dan pemikiran yang tidak seimbang dari perspektif Islam. Shariat Islam menitikberatkan isu pemilikan, pemeliharaan, pembangunan dan pengagihan kekayaan secara keseluruhan. Oleh kerana itu, penulis ingin menekankan bahawa sistem atau kaedah *infaq* di dalam ekonomi Islam amat dititiberatkan berbanding ekonomi konvensional. Di samping itu, pihak swasta mestilah terus menurus menyokong sistem kewangan Islam agar terus berkembang. Perkembangan sistem kewangan Islam mampu menyumbang kepada perkembangan dana sedekah dan pengagihan yang lebih efisien.

## **KERANGKA ALIRAN DANA SEDEKAH DI DALAM SISTEM KEWANGAN ISLAM**

Gambarajah 3 mampu menggambarkan proses aliran dana secara umum di dalam sistem kewangan Islam. Dana sedekah merupakan salah satu dana di dalam sistem kewangan Islam yang patut memainkan peranan yang ketara di dalam sistem pengagihan yang meliputi lapan (8) asnaf zakat serta bidang-bidang kebaikan dan perlindungan, kemudahan awam dan agama, keselamatan dan keamanan, pendidikan dan keilmuan, kesihatan dan perubatan dan rezab. Adalah menjadi satu kerugian sekiranya dana ini tidak dimanfaatkan sepenuhnya di dalam sistem kewangan Islam Malaysia.

**Gambarajah 3: Model Sistem Kewangan Islam – Aliran Dana**



Muhamad Muda © 2007

Sistem kewangan Islam sepatutnya mempunyai kepelbagaiannya yang dapat memainkan peranan masing-masing di samping membantu kekurangan dana-dana yang lain. Pihak kerajaan dan institusi kewangan Islam memainkan peranan yang paling utama dalam proses pengaliran dana-dana tersebut. Kaedah pengembelingan dan pengagihan dana yang berteraskan amalan terbaik (*the best practice*) boleh mendapatkan keyakinan penyumbang dan mengelak penyalahgunaan dana. Kedudukan dana-dana Islam di dalam ekonomi dwisistem (*dual system*) memberi cabaran yang lebih kompleks kepada umat Islam kerana masyarakat akan sentiasa membuat perbandingan di antara dana-dana Islam dan konvensional.

## KESIMPULAN

Shariat Islam mengandungi sistem pengurusan ekonomi dan kewangan yang sangat komprehensif dan menyediakan instrumen yang secukupnya bagi mengatasi masalah kemiskinan dan kefakiran. Isu yang utama adalah pengutipan dan pengagihan. Di antara instrumen-instrumen kewangan Islam yang mampu digembelingkan dengan skala besar ialah sedekah. Dana sedekah mempunyai potensi yang sangat tinggi untuk dibangunkan, terutamanya di dalam sistem ekonomi dan kewangan yang berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi pada hari ini. Sistem kewangan Islam Malaysia yang telah mencapai tahap kemajuan yang agak tinggi mampu menyediakan infrastruktur yang lengkap bagi penubuhan

dana berasaskan sedekah ini. Masyarakat Islam Malaysia khasnya perlu mengambil peluang ini untuk melangkah lebih jauh lagi di dalam sistem ekonomi Islam. Namun, pengurusan yang telus dan terkawal amat perlu agar tidak dieksplorasi dan dikhianati. Di samping itu, garis panduan dan kaedah pembahagian yang munasabah dan relevan serta sistem laporan, penilaian dan penyelarasaran yang mantap mampu menjamin objektif penubuhan dan pengurusan dana sedekah ini tercapai.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Al-Ghazali, Muhammad. 2001. *Ihya' ulum al-din*. Beirut: Dar al-Arqam.

Al-Jumu'ah, Ali Ibn Muhammad. 2000. *Mu'jam al-mustalahat al-iqtisadiyyah wa al-Islamiyyah*. Riyadh: Maktabah al-'Ubaykat.

Al-Jurjani, Ali Muhammad. 2007. *al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Misri, Rafiq Yunus. 2000. *Usul al-Iqtisad al-Islami*. Beirut: Dar al-Qalam.

Al-Suyuthi, Jalal al-din Abd al-Rahman Ibn Abi Bakr. 1998. *Al-Ashbah wa al-nazhair fi qawa'id wa furu' fiqh al-Shafi'iyyah*. Beirut: Dar al-kutub al-'ilmiyyah.

Al-Zuhayli, Wahbah. 2000. *al-Fiqh al-Islami wa adillatuh*. Beirut: Dar al-fikr.

\_\_\_\_\_. n.d. *al-Wasatiyyah matlaban shar'iyyan wa hadhariyyan* di [www.islam.gov.kw/books/wasatya/wsm1s2\\_zhely.doc](http://www.islam.gov.kw/books/wasatya/wsm1s2_zhely.doc).

CD. al-Maktabah al-Shamilah.